



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
01 APRIL 2017 (SABTU)

AKHBAR	MUKA SURAT
Berita Harian	
- Nyamuk Wolbachia pemusnah telur aedes	16
The Star	
- MPAJ fights dengue using biological method	04



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 01 APRIL 2017 (SABTU)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Nyamuk Wolbachia pemusnah telur aedes
Muka Surat	16

Ms.16 Sabtu, 1 April 2017 BH

→ KESIHATAN

APA ITU WOLBACHIA?

» **Wolbachia** adalah bakteria yang hidup dalam sel serangga sejak berikutan dahulu dan diwarisi kepada generasi seterusnya melalui telur

Wolbachia secara semula jadi ada dalam lebih 60% serangga

Analisis risiko Australian Commonwealth Scientific and Industrial Research Organisation (CSIRO) pada 2011 mendapati bahawa kaedah Wolbachia ini tidak memberi risiko kepada manusia dan alam sekitar

AEDES PEMBAWA DENGGI

Nyamuk aedes aegypti liar

- Nyamuk aedes menggigit individu yang dijangkiti virus denggi
- Virus denggi berpindah ke dalam badan nyamuk
- Nyamuk denggi menggigit individu lain
- Individu yang digigit oleh nyamuk itu akan diserang demam denggi

AEDES BERWOLBACHIA

Nyamuk berwolbachia

- Nyamuk aedes menggigit individu yang dijangkiti virus denggi
- Nyamuk berwolbachia melenyahkan virus denggi dan menghalang larva merebak
- Nyamuk denggi menggigit individu lain
- Individu yang digigit oleh nyamuk berwolbachia tidak dijangkiti demam

Nyamuk Wolbachia pemusnah telur aedes

➔ Kaedah semula jadi berupaya halang penularan virus denggi, zika, chikungunya

Oleh Fahmy Azril Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

Pelepasan nyamuk aedes aegypti yang mengandungi bakteria Wolbachia di kawasan tumpuan denggi, bukan setakat mampu memerangi wabak itu, malah dapat mencegah penularan virus zika dan chikungunya.

Pakar Parasitologi dan Entomologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Hidayatul Hafiz Osman, berkata bakteria Wolbachia wujud secara semula jadi dalam kebanyakan serangga termasuk labah-labah dan nematod. Ia tidak membahayakan manusia dan kehidupan lain.

"Bakteria Wolbachia adalah kaedah berkesan dalam menyekat perkembangan virus denggi dalam nyamuk aedes bagi menghentikan jangkitan daripada terus berlaku

pada manusia.

"Meskipun umum melihat pertambahan populasi nyamuk di sesuatu kawasan tumpuan program pelepasan nyamuk ini, dari sudut positif, ia mampu menghalang jangkitan denggi, zika dan chikungunya daripada menular sehingga menyebabkan kematian," katanya.

Telur tak boleh menetas

Beliau berkata, nyamuk aedes jantan yang mengandungi wolbachia apabila mengawan dengan nyamuk aedes betina yang tiada Wolbachia akan menghasilkan telur yang tidak boleh menetas.

"Bakteria Wolbachia menyebabkan berlaku fenomena ketidakserasian sitoplasma. Telur yang dihasilkan oleh nyamuk betina pula akan menjadi hampas.

"Ini akan merencatkan keupayaan aedes untuk menularkan jangkitan virus, termasuk denggi. Dengan itu, tidak berlaku sebaran virus tersebut kepada manusia kerana gigitan nyamuk yang mengandungi Wolbachia ini tidak lagi berbahaya," katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas langkah Kementerian Kesihatan menerusi Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) melepaskan nyamuk aedes mengandungi bakteria Wolbachia, di kawasan tumpuan denggi, AU2 Keramat dan Seksyen 7 Shah Alam. Hidayatul menegaskan, nyamuk yang mengandungi atau disuntik bakteria Wolbachia juga tidak mengalami perubahan genetik.

Kaedah baharu kawalan

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata program itu menjadi kaedah baharu kawalan denggi Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) secara melepaskan nyamuk aedes mengandungi bakteria Wolbachia bagi menggantikan nyamuk aedes liar.

"Selasa lalu, kira-kira 50 nyamuk aedes berwolbachia jantan dan betina, dilepaskan di setiap 300 tempat sekitar AU2 Keramat. Secara keseluruhan 16,000 nyamuk aedes berwolbachia dilepaskan. Proses sama dibuat di Seksyen 7 Shah Alam.

"Pelepasan itu dipantau IMR setiap minggu sehingga hampir 60 peratus daripada nyamuk kawasan AU2 Keramat adalah aedes berwolbachia. Kajian mendapati nyamuk aedes dengan Wolbachia tidak menyebarkan virus denggi dan menyekat penularan berkenaan kepada manusia," katanya menerusi kenyataan kelmarin.

Beliau berkata, kaedah Wolbachia disyorkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan sudah diguna pakai beberapa negara seperti Australia, China, Indonesia, Vietnam dan Singapura.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat mengenai kaedah Wolbachia dengan melayari sesawang <http://www.imrgov.my/wolbachia>.

Kesedaran penduduk setempat menjaga kebersihan persekitaran rumah amat penting bagi mengelak virus denggi merebak.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
01 APRIL 2017 (SABTU)

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	MPAJ fights dengue using biological method
Muka Surat	04

MPAJ fights dengue using biological method

TS 1/4/17 ms 04

By YVONNE T. NATHAN
yvonne.n@thestar.com.my

AS OF March 25, there were 992 dengue cases reported within Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ), of which there were three fatalities. This figure is lower than last year's number of cases, which was 2,105.

The hotspot areas include Pandan Indah, Taman Cahaya, Bandar Baru Ampang's Sri Nilam Flats, Taman Melawati J, Taman Ukay Bistari and Jalan Perdana 6/2 to 6/10.

Aside from conventional methods handling dengue outbreak, MPAJ introduced mosquitoes injected with the Wolbachia bacteria on March 28 as a biological method of controlling Aedes mosquitoes reproduction.

MPAJ president Abdul Hamid Hussain said Taman Keramat AU2 was picked as the first site for the release of the mosquitoes.

"The area was chosen by the Institute for Medical Research and our health department.

"A total of 16,000 mosquitoes were released in 300 spots around Taman Keramat AU2 for the first batch.

"We will also focus on back lanes starting with Pandan Jaya and Taman Sage with the Clean Back Lanes Free of Aedes Programme as they are potential breeding grounds for mosquitoes," he said.

MPAJ councillors Hamsah Djabir and Edmund Woon Thean Siang raised an issue with businesses taking advantage of their licences.

"I have seen a trend recently of businesses misusing the licences they have applied for by switching their names and the nature of their business," said Hamsah.

Woon said business premises need to be revisited as many did not follow the bylaws by tinting or covering their glass windows.

Abdul Hamid said the council would take action against business premises flouting the rules.

After the floods on March 19, MPAJ had

directed the Sungai Besi-Ulu Kelang Elevated Expressway contractors to build three retention ponds at the Taman Bukit Teratai site.

"The retention ponds are there as sediment control to mitigate floods because the area was flooded on two occasions.

"The work will be completed by Sunday and the three ponds are staggered with the first a natural pond, and the third placed closer to the residential area.

"An overflow drain is also connected to the retention pond behind the terrace houses to enlarge the drain linking to the main drain," he said.

Another matter raised was monkeys from the Bukit Sungai Puteh Forest Reserve coming into the Kampung Ampang Indah residential area in search of food.

"We have to call the Selangor Wildlife and National Parks Department to catch the monkeys and release them back into its natural habitat," said MPAJ deputy president Hasrolnizam Shaari.